

Belajar seni *decoupage*

Oleh Siti Nur Wasimah S.

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Mei - Kanak-kanak istimewa dari Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, pagi tadi, telah dihiburkan dengan projek amal Geng Cinta Decoupage (GCD) dalam usaha untuk berkongsi kemahiran kesenian dari segi menghias dan mereka bentuk semula barang-barang yang boleh dikitar semula.

Seramai 15 ahli GCD yang telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk membuat projek *decoupage* bersama kanak-kanak Pusat Ehsan.

Menurut salah seorang pengajar GCD, Hajah Sauyah binti Haji Mahmud semasa ditemui *Media Permata* menyatakan bahawa projek amal ini merupakan salah satu aktiviti untuk memperkembangkan lagi seni *decoupage* di negara ini



Hajah Sauyah semasa ditemui bual oleh *Media Permata*.

di samping memberikan dan berkongsi kemahiran baru bersama kanak-kanak Pusat



Kanak-kanak istimewa Pusat Ehsan bergambar ramai bersama ahli GCD.

Ehsan.

Aktiviti *decoupage* yang berasal daripada perkataan Perancis dan dikenali sebagai seni menghias dan mencantikkan sesuatu objek dan barang yang boleh dikitar semula seperti kotak, bakul, kantung dan pasu kaca, tin, perabot dan sebagainya dengan cara memotong dan menampal kertas gambar guntingan pada objek tersebut.

Menurut Hajah Sauyah, GCD

yang ditubuhkan pada Oktober tahun lalu, setakat ini sudah mempunyai 70 orang ahli dari tiga daerah iaitu Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong dan juga Daerah Belait.

Menerusi persatuan itu, beberapa orang ahli GCD yang sudah mahir dalam bidang *decoupage* telah mula menubuhkan perusahaan-perusahaan mereka sendiri dan menyertai ekspo-ekspo yang diadakan

dengan menjual hasil produk *decoupage* mereka.

Hajah Sauyah juga berharap agar kanak-kanak istimewa dan ahli-ahli Pusat Ehsan yang lain untuk mengambil baik kemahiran yang dikongsi melalui projek amal ini agar mereka juga akan dapat menghasilkan produk-produk *decoupage* mereka sendiri dalam membantu meningkatkan lagi kewangan pusat tersebut.

147 siswa UNISSA tamat kursus Bahasa Arab



Para mahasiswa UNISSA yang tamat Kursus Intensif Bahasa Arab bergambar ramai bersama rektor UNISSA di Dewan Jubli, UNISSA.

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Mei - Seramai 147 mahasiswa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berjaya menamatkan Kursus Intensif Bahasa Arab selama dua bulan, bagi sesi akademik 2016/2017.

Lima daripada mereka dinobatkan sebagai pelajar terbaik kursus iaitu Dayang Fauziah Fakhrunnisa binti Haji Mujiburrahman; Awang Abdul Muhaimin bin Dr. Haji Serbini; Dayang Nur Farah Fazrina

binti Haji Madon; Dayang Nur Husnina binti Haji Othman; dan Dayang Humaidatul Fikriyah binti Muhammad Zamri.

Kursus yang diungkuhkan oleh Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran bahasa dan pembelajaran serta sebagai pendorong kepada pelajar untuk menjadi seorang pelajar yang cemerlang dalam mengikuti kursus yang mereka ikuti sepanjang pengajian di

UNISSA.

Majlis penyampaian sijil kepada peserta berkenaan berlangsung di Dewan Jubli, UNISSA, Gadong baru-baru ini dan telah disempurnakan oleh Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Majlis turut diserikan dengan persembahan tausyeh dan drama yang dipersembahkan oleh para peserta program pra-sesi sebelum majlis penyampaian sijil kursus.

Tingkat kemahiran numerasi pelajar istimewa



Dayang Suriani Othman mendedahkan kaedah bagi mengenal pasti dan menilai jurang pembelajaran para pelajar istimewa.

Oleh Yusrin Junaidi Gambar oleh Azrol Azmi

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Mei - Sebagai salah satu usaha dan komitmen Unit Pendidikan Khas (UPK) meningkatkan kemahiran numerasi pelajar istimewa, Bengkel Numerasi yang disertai 350 orang peserta telah diadakan di Tingkat Bawah, Unit Pendidikan Khas, Gadong.

Pada hari pertama, Pegawai Kanan Kurikulum, Perancangan Matematik dan Divisyen Pembangunan, Kementerian Pendidikan, Singapura, Dayang Suriani Othman mendedahkan kaedah bagi mengenal pasti dan menilai jurang pembelajaran pelajar, mengenali dan memahami corak kesilapan yang sama dan mengajar strategi untuk membangunkan pemahaman konseptual terhadap nombor dan pecahan.

Bengkel yang mengajar 'multiplier effect' kepada guru-guru yang terlibat melalui berkongsi pengetahuan, dapatan dan kemahiran serta amalan baik ini diadakan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan


terhadap pelajar yang mempunyai cabaran dalam penguasaan numerasi selain meningkatkan pengetahuan mengenai cara menangani masalah pembelajaran matematik pelajar istimewa.

Dalam bengkel itu, Dayang Suriani Othman mengajar bagaimana pengiraan matematik boleh difahami pelajar istimewa bagi membolehkan mereka membuat penyelesaian dengan lebih mudah dan senang.

Tatacara penggunaan manipulatif pula didedahkan bagi membina pengetahuan, membuat sambungan (connection), memberi contoh yang akan membina satu sama yang lain dan menyediakan bantuan tambahan kepada pelajar untuk bergerak ke hadapan.

Bengkel yang disertai oleh para guru besar dan beberapa pegawai dari jabatan di bawah Kementerian Pendidikan, guru-guru SENA, guru-guru LST dan Home Room Teachers ini juga turut disertai oleh 40 orang lagi pegawai dari Unit Pendidikan Khas dan ahli Jawatankuasa Numerasi.

Bacaan, perbuatan solat perlu sempurna



Murid-murid yang menyertai Program Mencintai Solat kali ke-2.

Oleh Imelda Groves HA

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Mei - Seramai 3,819 orang murid dari 17 buah sekolah agama kawasan Brunei 1 telah mengikuti Program Mencintai Solat

kali ke-2 anjuran Jawatankuasa Pemimpin Sekolah-sekolah Agama Kawasan Brunei 1 sempena Sambutan Israk dan Mikraj tahun 1437H/2016M.

Program tersebut antara lain bertujuan memastikan niat,

bacaan dan perbuatan murid-murid dalam solat dapat dilakukan dengan sempurna dan seterusnya dapat mengukuhkan lagi akidah mereka melalui ceramah dan praktikal yang dilakukan pada hari tersebut.

Pegawai Pengajian Islam Kawasan Brunei 1, Dayang Hajah Noorsiah binti Haji Mohd Noor selaku penasihat Program Mencintai Solat berharap murid-murid sekolah akan dapat mengamalkan bacaan dan perbuatan solat dengan baik dan sempurna.

Beliau turut mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru-guru sekolah agama kawasan Brunei 1 atas kerjasama menjayakan program ini bagi menyempurnakan murid-murid dalam ibadat solat.